

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI ZAKARIA  
(PARIT)**

**TARIKH : 13 JULAI 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan:-

- (a) apakah **usaha** yang telah dilaksanakan oleh Kementerian bagi mengeratkan perpaduan kaum di Malaysia; dan
- (b) apakah **perancangan** yang telah dirangka oleh Kementerian bagi mengenakan **tindakan** terhadap individu yang melakukan provokasi perkauman.

**JAWAPAN (RINGKAS)**

- Kerajaan menyedari bahawa usaha untuk memupuk semangat perpaduan antara kaum bukanlah satu usaha yang mudah.
- Usaha mengekalkan keamanan serta keharmonian masyarakat berbilang kaum perlu bermula dengan memupuk persefahaman yang lebih baik di antara satu sama lain.
- Demi kelangsungan keharmonian dan kesepaduan sosial masyarakat pelbagai kaum di Malaysia, Kerajaan melalui Kementerian Perpaduan Negara telah, sedang dan akan terus melaksanakan langkah-langkah berikut:

## **Perancangan**

Perancangan yang telah dirangka oleh kementerian adalah berdasarkan tiga (3) kertas dasar utama iaitu :

- 1. Pelan Perpaduan, Kesepaduan dan Penyatupaduan Malaysia (PPKPM) (Blueprint 2015)**  
\* (*Pengisian - maklumat tambahan*)
- 2. Indeks Perpaduan Negara 2018 (IPNas 2018)**  
\* (*Pengisian - maklumat tambahan*)
- 3. Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2.0 (PTPN 2.0)**  
\* (*Pengisian - maklumat tambahan*)

## **Tindakan**

Kementerian Perpaduan Negara telah melaksanakan beberapa inisiatif untuk mengeratkan perpaduan kaum di Malaysia. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i) Membangunkan Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2020-2025;
- ii) Menubuhkan Majlis Penasihat Perpaduan Negara (MPPN). MPPN telah dipengerusikan oleh YB Menteri Kanan Kluster Sosial dan dianggotai oleh:
  - Tokoh-tokoh masyarakat;
  - Badan Bukan Kerajaan (NGO);
  - Pihak swasta; dan
  - Individu yang berpengalaman dan berkepakaran dalam bidang perpaduan.

iii) Fungsi MPPN adalah :

- bertanggungjawab menasihati Kerajaan dalam hal-hal perpaduan
- membincangkan isu-isu perpaduan serta usaha-usaha penyatuan nasional (*national reconciliation*) dari pelbagai sudut
- mencadangkan kaedah penyelesaian terbaik kepada Kerajaan untuk menangani isu dan cabaran perpaduan.

iv) Peranan MPPN adalah :

- Menjadi forum untuk membincangkan isu-isu perpaduan;
- Mengemukakan syor-syor dan langkah-langkah yang wajar diambil oleh Kerajaan untuk memupuk keharmonian dan perpaduan
- Melaksanakan strategi komunikasi berkesan untuk menghentikan sebarang penularan isu perkauman

v) Menubuhkan dua Jawatankuasa bagi menyokong MPPN:

- Jawatankuasa Pelaksana Perpaduan Negara (JKPPN) dan
- Jawatankuasa Tindakan Perpaduan Negeri (JTPN)

### **Usaha Semasa**

Antara usaha semasa yang telah dibuat oleh Kementerian adalah :

- i) Memperkasakan peranan Kawasan Rukun Tetangga (KRT);
- Menggalakkan lebih ramai penyertaan golongan belia dalam jawatankuasa KRT dan SRS;
  - Memberikan latihan kemahiran dan kepimpinan kepada ahli-ahli RT dan SRS supaya lebih berdaya saing;
  - Menggalakkan lebih ramai anggota KRT menguasai kemahiran mediasi agar mereka dapat memberikan perkhidmatan secara sukarela kepada penduduk setempat.

ii) Memperkasakan Prinsip Rukun Negara di semua peringkat :

- Kementerian akan melaksanakan program-program Penghayatan Rukun Negara secara berterusan dalam sektor pendidikan termasuk agensi kerajaan, sektor korporat dan badan bukan kerajaan.

### Tindakan

Bagi menangani masalah provokasi perkauman, Kementerian menggunakan pendekatan ***mendampingi dan mendidik*** dengan izin, ***engage and educate*** melalui **Mediator Komuniti** yang dilantik oleh Kementerian bagi menyatupadukan rakyat .

### Fungsi MK

1. **Memelihara keharmonian masyarakat** melalui mediasi di antara pihak yang bertelagah.
2. **Menjadi pengantara** bagi membantu menyelesaikan masalah masyarakat setempat.
3. **Menjadi insan yang dihormati** oleh masyarakat setempat dalam penyelesaian masalah masyarakat.

### Peranan MK

1. **Memberi perkhidmatan mediasi secara sukarela** kepada pihak yang memerlukan.
2. **Menenteramkan ketegangan** antara pihak-pihak yang bertelagah serta memulihkan perhubungan di antara mereka.
3. **Membantu mencari penyelesaian** yang boleh diterima oleh pihak yang bertelagah bagi memelihara keharmonian masyarakat
4. **Menjalankan mediasi secara profesional, adil dan ikhlas** tanpa mengharapkan imbuhan/balasan.

## **Pelantikan MK**

Seramai 400 mediator terlatih telah dilantik oleh Kementerian dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Islam Antarabangsa (UIA).

Sekian terima kasih.

## **JAWAPAN (TERPERINCI)**

- a) Sejak ditubuhkan pada 10 Mac 2020, Kementerian Perpaduan Negara telah dan sedang melaksanakan beberapa inisiatif untuk mengeratkan perpaduan kaum di Malaysia antaranya:
  - i) memperincikan Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) untuk dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada bulan September 2020 bersempena sambutan Minggu Perpaduan dan Hari Malaysia. Bersesuaian dengan semangat sambutan bulan kemerdekaan hinggalah ke tarikh pelancaran PTPN ini, Kementerian akan menjalankan beberapa inisiatif dan program yang akan menyemarakkan lagi semangat perpaduan di kalangan rakyat Malaysia;
  - ii) menubuhkan Majlis Penasihat Perpaduan Negara (MPPN) di peringkat kebangsaan yang dipengerusikan oleh YB Menteri Kanan Kluster Sosial bagi pihak YAB Perdana Menteri dan dianggotai oleh tokoh-tokoh masyarakat merangkumi pelbagai sektor termasuk wakil dari Badan Bukan Kerajaan (NGO), pihak swasta dan individu yang berpengalaman dan berkepakaran dalam bidang perpaduan. MPPN ini disokong oleh Jawatankuasa Pelaksana Perpaduan Negara (JPPN) yang dipengerusikan oleh saya sendiri di peringkat Kementerian dan seterusnya Jawatankuasa Tindakan Perpaduan Negeri (JTPN) yang dipengerusikan oleh ahli-ahli YB EXCO Perpaduan Negeri di peringkat negeri masing-masing;

- iii) Memantapkan, menyemarakkan dan meremajakan peranan KRT dalam agenda perpaduan negara melalui pembukaan kuota untuk semua kaum, gender dan golongan muda dalam menyumbangkan idea bagi membantu KRT, mengemaskini kaedah penilaian keberkesanan KRT dan menyediakan fasiliti dan infrastruktur yang lebih mantap bagi operasi 8274 KRT di seluruh negara;
- iv) meningkatkan penghayatan prinsip-prinsip Rukun Negara terutama di kalangan pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi dengan penubuhan Pasukan Petugas Pendidikan Rukun Negara dan penjenamaan semula Kelab Rukun Negara di peringkat sekolah rendah dan menengah serta Sekretariat Rukun Negara di semua IPTA/IPTS;
- v) Memperkuatkan hubungan dan keakraban bersama Ketua / Pimpinan Badan dan Persatuan Agama serta saling berkongsi maklumat mengenai isu-isu semasa berkaitan agama, berkongsi pandangan dan menggalakkan persefahaman, keharmonian serta sikap toleransi di antara penganut-penganut agama;
- vi) Memperkasakan lebih 400 orang mediator komuniti yang telah dilatih di seluruh negara untuk menjadi pendamai membantu menyelesaikan apa-apa pertikaian dan konflik yang berlaku di akar umbi;
- vii) memperluas pembukaan 6621 Kelab-Kelab Rukun Negara di sekolah rendah dan menengah serta 172 Sekretariat Rukun Negara di Institut Pengajian Tinggi bagi meningkatkan penghayatan dan pengamalan prinsip-prinsip Rukun Negara;
- viii) Menyemai nilai-nilai murni kepada lebih 39,000 orang kanak-kanak berusia 4 hingga 6 tahun melalui 1781 buah Tabika Perpaduan di seluruh negara dan hampir 950 orang anak-anak di 41 buah Taska Genius Perpaduan untuk melahirkan rakyat Malaysia yang dapat memberi sumbangan terhadap

keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara apabila mereka dewasa kelak;

- ix) Menganjurkan program dan aktiviti perpaduan pelbagai kaum secara berterusan melalui 5,552 jentera Jiran Muda (JM) Kawasan Rukun Tetangga yang bertujuan membentuk jati diri serta meningkatkan kesedaran, penghayatan, penerapan nilai-nilai murni dan meraikan kepelbagaian; dan
  - x) Menganjurkan program dialog harmoni di kalangan pemimpin-pemimpin muda badan-badan / persatuan agama untuk berkongsi pandangan dan mengukuhkan persefahaman dan keharmonian serta toleransi di antara penganut-penganut agama lain.
- b) Kementerian Perpaduan Negara hanya akan mengambil tindakan undang-undang sebagai pilihan terakhir (*last resort*) dalam menghadapi ancaman kepada perpaduan dan keharmonian negara. Kementerian akan mengutamakan pendekatan mendampingi dan mendidik (*engage and educate*) masyarakat supaya bersama-sama mengukuhkan perpaduan ke arah keharmonian masyarakat majmuk dan tidak mencetuskan kata-kata provokasi yang akan mencetuskan ketegangan kaum dan agama.
- c) Undang-undang di bawah akan digunakan terhadap mana-mana pihak yang menggugat perpaduan:
- (a) subseksyen 4(1) Akta Hasutan 1948 [Akta 15] iaitu kesalahan menghasut;
  - (b) seksyen 504 Kanun Keseksaan [Akta 574] iaitu kesalahan dengan sengaja mengaibkan dengan niat hendak membangkitkan pecah keamanan;
  - (c) seksyen 505 Kanun Keseksaan iaitu kesalahan mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang mendatangkan khianat awam;

**NO. SOALAN : 11**

- (d) seksyen 506 Kanun Keseksaan iaitu kesalahan menakutkan secara jenayah;
- (e) seksyen 4A Akta Kesalahan Pilihanraya 1954 [Akta 5] iaitu kesalahan mengembangkan perasaan jahat atau permusuhan; dan
- (f) seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] iaitu kesalahan penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian.